

KEJOHANAN SUKAN ANTARA BAHAGIAN KKR 2014
PERATURAN / SYARAT-SYARAT UMUM KEJOHANAN

1. KELAYAKAN PESERTA

- 1.1 Hanya pegawai/kakitangan yang menjadi ahli KSKKKR, pegawai PKS/CFS (Contract for Service) yang berkerja dan berkhidmat di KKR dan bertugas di Lembah Kelang/Putrajaya adalah dibenarkan menyertai Pasukan masing-masing di kejohanan sukan ini..
- 1.2 Pegawai/kakitangan yang telah bertukar ke luar KKR sebelum atau selepas kejohanan bermula tidak dibenarkan menyertai mana-mana pasukan untuk pertandingan.
- 1.3 Bagi kakitangan/pegawai yang bertukar atau ditugaskan di bahagian lain dalam KKR selepas tarikh kejohanan bermula, maka penyertaannya tertakluk pada pasukan asal (sebelum pertukaran berkenaan). Jika pegawai tersebut mewakili pasukan baru (selepas pertukaran), maka penyertaannya akan dibatalkan.

2. PEMAIN VETERAN

- 2.1 Hanya bagi pertandingan Futsal, Badminton, Bola Sepak dan Bola Tampar lelaki sahaja yang melibatkan pemain veteran.
- 2.2 Usia pemain veteran yang telah diputuskan di Mesyuarat Induk KSKKKR adalah 45 tahun ke atas.
- 2.3 Jika tiada pemain veteran yang didaftarkan, maka pemain di gelanggang tidak boleh diganti oleh pemain lain dan jumlah pemain di gelanggang akan berkurang seorang.

3. BORANG PENYERTAAN

- 3.1 Hanya borang yang disediakan oleh urusetia pertandingan sahaja yang boleh digunakan.

4. PENDAFTARAN SENARAI PEMAIN

- 4.1 Pendaftaran senarai pemain hendaklah diserahkan kepada urusetia, sebelum pertandingan acara sukan dijalankan dan hanya pemain yang didaftarkan sahaja yang boleh mengambil bahagian.
- 4.2 Senarai pemain ini tidak boleh diganti selepas perlawanan pertama acara sukan dijalankan.

5. PERATURAN / SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

- 5.1 Peraturan / Syarat-Syarat tambahan ini tertakluk kepada jenis acara sukan yang akan dipertandingan.

6. BANTAHAN

- 6.1 Jika terdapat bantahan, sebarang perubahan peraturan/syarat-syarat di atas tertakluk kepada keputusan jawatankuasa induk KSKKKR.